

Pengusaha stesen minyak dalam dilema pekerja asing dihenti


KUALA LUMPUR: Keputusan kerajaan menghentikan khidmat pekerja asing di stesen minyak selepas tamat tempoh Program 6P (Program Pemutihan) meletakkan pengusaha dalam dilema kerana mereka akan berdepan dengan kekurangan tenaga kerja secara mendadak.

Mereka kecewa sehingga kini pihak berkuasa belum memberi sebarang jawapan walaupun rayuan mengenai perkara itu dibuat oleh Persatuan Pengusaha-Pengusaha Stesen Minyak Malaysia (PDAM) lebih sebulan lalu.

Naib Presiden PDAM, Datuk Abu Samah Bachik, berkata Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam satu taklimat khas bersama PDAM lebih sebulan lalu meminta supaya mereka membuat rayuan berhubung perkara itu selepas PDAM menyuarakan kekhuatiran berhubung keputu-

san berkenaan.

"Saya mengikut seperti yang diarahkan, iaitu membuat rayuan pada kadar segera selepas taklimat itu tetapi sehingga kini, kementerian masih membisu tanpa seba-



Kami berdiri teguh di belakang kerajaan, menyokong teguh apa saja keputusan tetapi perkara ini satu 'hukuman bunuh' kepada kami. Dengan cara apa lagi kami boleh beroperasi sekiranya tidak memiliki tenaga kerja

Abu Samah Bachik
Naib Presiden PDAM

rang jawapan. Ini meletakkan kami dalam keadaan serba salah.

"Kami berdiri teguh di belakang kerajaan, menyokong teguh apa saja keputusan tetapi perkara ini satu 'hukuman bunuh' kepada kami. Dengan cara apa lagi kami boleh beroperasi sekiranya tidak memiliki tenaga kerja," katanya kepada *Berita Harian* ketika dihubungi semalam.

Ditanya mengenai cubaan untuk mendapatkan pekerja tempatan, katanya, iklan jawatan kosong di stesen minyak dipamerkan setiap hari, sama ada di akhbar tempatan atau lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai tetapi ia tidak pernah mendapat sambutan walaupun sektor itu antara sektor kritikal di negara ini.

Presiden Persatuan Pengusaha-Pengusaha Stesen Minyak Esso Malaysia, Razak Harun, berkata kebanyakan pengusaha terpaksa me-

nanggung kerugian besar setiap kali timbul masalah membabitkan pekerja tempatan.

"Terdapat pekerja tempatan yang datang hanya untuk sehari dua, dan kemudian berhenti tanpa memberikan sebarang notis atau sebab. Sesetengahnya hilang begitu saja selepas menerima pakaian seragam dan keperluan lain yang mencecah harga ratusan ringgit.

"Bagaimana kami boleh mencari pengganti dalam masa yang begitu singkat? Keadaan ini tidak berlaku sekiranya kami menggaji pekerja asing," katanya.

Katanya, beliau akur dengan kenyataan pihak pengusaha perlu memahami dasar kerajaan dan sebab di sebalik setiap keputusan itu dibuat.

Bagaimanapun, katanya, beliau percaya terdapat ruang penambah baik sesuatu keputusan yang dibuat untuk kebaikan semua pihak.